

25 JUL 1996
Mahathir-lapangan terbang
LAPANGAN TERBANG ASIA SESAK TERUK

LANGKAWI, 25 Julai (Bernama) -- Negara-negara Asia-Pasifik perlu membelanjakan AS\$200,000 juta sehingga tahun 2010 bagi pembangunan lapangan terbang untuk menampung pertumbuhan trafik udara, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Memetik anggaran Persatuan Pengangkutan Udara Antarabangsa (IATA), beliau berkata dalam masa lima tahun lepas sektor itu menyaksikan ledakan pertumbuhan jumlah pelancong dari Jepun dan negara-negara perindustrian baru seperti Korea Selatan, Taiwan, Hong Kong dan Singapura.

"Banyak daripada lapangan terbang antarabangsa utama di Asia telahpun mengalami kesesakan yang teruk. Bagi sesetengah kes, terminal penumpang dan kargo tidak lagi mampu untuk mengendalikan jumlah trafik terutama di waktu puncak manakala yang lain tidak dapat memenuhi lagi pertambahan pesawat terutama yang saiznya besar kerana masalah landasan yang terhad," katanya dalam ucapan perasmian Pameran Teknologi Lapangan Terbang Antarabangsa (Airportex) di sini.

Teks ucapan Perdana Menteri dibaca oleh Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Dr Mahathir berkata beberapa projek lapangan terbang baru sedang dalam perancangan dan sedang dalam pembinaan di Asia membabitkan perbelanjaan awam dan sektor swasta untuk mengatasi kesesakan penumpang dan pesawat.

Sebanyak 111 syarikat mewakili pemaju lapangan terbang dan pengusaha perkhidmatan di lapangan terbang dari 17 buah negara mengambil bahagian dalam pameran itu yang mengetengahkan sistem dan kelengkapan lapangan terbang yang terkini termasuk peralatan komunikasi, kawalan trafik dan pengemudian.

Dr Mahathir berkata lapangan terbang antarabangsa baru di Hong Kong, China, Jepun, Korea Selatan, Thailand dan Malaysia telah dirancang bagi menampung penumpang melebihi 40 juta setahun dan mampu mengendalikan pesawat-pesawat besar generasi akan datang.

Lapangan terbang ini akan dilengkapi dengan sistem berteknologi tinggi untuk menguruskan penumpang, bagasi dan kargo serta tidak mengabaikan keperluan alam sekitar.

Perdana Menteri juga berkata kerja-kerja peningkatan sedang dilakukan di kebanyakan lapangan terbang utama dan wilayah di rantau ini.

Hampir kesemua negara Asia sedang membangunkan infrastruktur lapangan terbang masing-masing dengan China sahaja sedang memodenkan 140 buah lapangan terbang dan membina beberapa lapangan terbang baru di wilayah-wilayahnya dalam dekad akan datang.

Dr Mahathir berkata masalah (kesesakan) bukan saja berlaku di bahagian bawah kerana masalah pengurusan trafik juga boleh menyebabkan berlaku kesesakan.

"Landasan yang sempit di kawasan terpencil dan berdekatan dengan laut serta sistem radar pendaratan yang ketinggalan zaman di sesetengah lapangan terbang boleh menyebabkan kesulitan dan kelewatan dan boleh meningkatkan kos bahan api syarikat penerbangan," katanya.

Tetapi dengan adanya sistem baru pengurusan trafik dan pengemudian pesawat bantuan satelit, pengendalian trafik udara kini dapat diperbaiki.

Dr Mahathir berkata sistem Komunikasi, Pengemudian dan Pengawalan Trafik Udara (CNS-ATM) sedang diuji di Pasifik Selatan dan ia dijangka memberi faedah kepada industri penerbangan udara.

Perdana Menteri berkata pengangkutan udara bukan sekadar tertumpu

kepada kapal terbang kerana semakin ramai penumpang memberikan perhatian berat kepada apa yang berlaku di lapangan terbang.

"Mereka mengambil berat mengenai kualiti lapangan terbang, kemudahan di terminal dan urusan pengendalian penumpang. Keperluan ini mesti seiring dengan bertambahnya pesawat yang canggih yang membawa penumpang ke pelbagai destinasi ke seluruh dunia," katanya.

Di banyak tempat di Asia Tenggara, urusan pengendalian penumpang dan perkhidmatan lain masih banyak yang perlu diperbaiki, kata Perdana Menteri.

Mengenai Airportex, Dr Mahathir berkata ia wajar diadakan memandangkan banyak perkembangan berlaku dalam pembinaan dan pembaharuan kemudahan lapangan terbang.-- BERNAMA

AU OBA MAI